



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING PENDAFTAR

Bilangan 15 Tahun 2022

KEMUDAHAN CUTI BELAJAR KHAS UNTUK PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA / CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR / CUTI BELAJAR TANPA GAJI DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR / CUTI BELAJAR TANPA GAJI TANPA TAJAAN AGENSI LUAR)

1.0 TUJUAN

- 1.1 Pekeliling ini bertujuan memaklumkan berkenaan pelaksanaan kemudahan cuti belajar khas yang diberikan kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional di Universiti Teknologi MARA bagi melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Mesyuarat Majlis Sumber Manusia (MSM) Bil. 65/2022 pada 18 Mac 2022 telah bersetuju meluluskan cadangan perluasan pelaksanaan kemudahan Cuti Belajar Staf Pentadbiran khusus kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di Universiti Teknologi MARA serta meluluskan syarat dan terma yang perlu dipenuhi oleh Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian yang berminat untuk bercuti belajar menggunakan kemudahan ini.
- 2.2 Mesyuarat Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM) Bil. 47/2022 pada 24 Januari 2022 telah bersetuju dengan pelaksanaan pemberian kemudahan cuti belajar khusus kepada Pegawai Perubatan di

Hospital Universiti Teknologi MARA (HUiTM) dengan cadangan perluasan pelaksanaan kepada Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di seluruh Universiti Teknologi MARA mengikut syarat-syarat yang dicadangkan.

- 2.3 Jawatankuasa yang diberi kuasa untuk membuat keputusan kepada permohonan kemudahan cuti belajar khas ini adalah Jawatankuasa Induk Peningkatan Kerjaya Sumber Manusia (JKI-PKSM). Bahagian Kemajuan Kerjaya, Jabatan Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar bertindak sebagai urus setia.

3.0 SYARAT PERMOHONAN

- 3.1 Syarat-syarat permohonan adalah seperti di **LAMPIRAN 1**.

4.0 TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan yang lengkap hendaklah dimajukan kepada:

Ketua
Bahagian Kemajuan Kerjaya
Jabatan Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Teknologi MARA
40450 Shah Alam
Selangor

- 4.2 Permohonan adalah menggunakan borang permohonan yang boleh dimuat turun dari laman web Pejabat Pendaftar UiTM (<https://pendaftar.uitm.edu.my/muat-turun/borang>).

5.0 PEMAKAIAN

- 5.1 Tempoh pelaksanaan pemberian kemudahan cuti belajar khas ini adalah berdasarkan kaedah kawalan kuota 30% daripada jumlah Pegawai Perubatan dan Pegawai Pergigian di HUiTM, Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian dan Pusat

Kesihatan UiTM atau dalam tempoh sepuluh (10) tahun pelaksanaan mulai kuatkuasa pekeliling ini; atau mana-mana yang terdahulu.


- 5.2 Selepas kuota yang diluluskan habis digunakan atau tempoh pelaksanaan tamat, penguatkuasaan pemberian kemudahan cuti belajar khas ini dibatalkan dan kembali menggunakan Pekeliling Pendaftar Bil. 08 Tahun 2017 dan Surat Pekeliling Pendaftar Bil. 01 Tahun 2022.

6.0 TARIKH DIKELUARKAN

- 6.1 Pekeliling dikeluarkan pada 05 April 2022.

7.0 TARIKH KUATKUASA

- 7.1 Pekeliling ini berkuat kuasa pada 01 April 2022.



HAJI MUHAMAD NIZAM BIN NOORDIN
Pendaftar

Dikelilingkan Kepada:

Semua Penolong Naib Canselor
Semua Dekan Fakulti
Semua Rektor Kampus Negeri
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Bil. Fail : 100-BPD(PT.6/3)
No Siri : 100-BPD(Bil.15/2022)

LAMPIRAN 1

**SYARAT PERMOHONAN CUTI BELAJAR KHAS
PEGAWAI PERUBATAN DAN PEGAWAI PERGIGIAN UiTM
(CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH TANPA BIASISWA / CUTI BELAJAR BERGAJI PENUH DENGAN
TAJAAN AGENSI LUAR / CUTI BELAJAR TANPA GAJI DENGAN TAJAAN AGENSI LUAR / CUTI
BELAJAR TANPA GAJI TANPA TAJAAN AGENSI LUAR)**

1. Telah disahkan ke dalam perkhidmatan.
2. Telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun termasuk tempoh perkhidmatan yang lepas di Agensi Kerajaan / Badan Berkanun sebelum diterima masuk ke Hospital UiTM, Fakulti Perubatan UiTM, Fakulti Pergigian UiTM dan Pusat Kesihatan UiTM termasuk latihan siswazah (sekurang-kurangnya telah setahun berkhidmat di UiTM) boleh diambil kira bagi mencukupkan syarat tempoh perkhidmatan tersebut.
3. Tempoh perkhidmatan lepas yang layak diambil kira bermula daripada lantikan bertaraf TETAP dan telah disahkan ke dalam perkhidmatan. Tempoh perkhidmatan daripada lantikan bertaraf KONTRAK adalah TIDAK dikira untuk mencukupkan tempoh perkhidmatan.
4. Umur tidak melebihi 35 tahun (peringkat Sarjana) dan 43 tahun (peringkat Sarjana Kepakaran dan PhD) pada tarikh diluluskan cuti belajar dan dapat memenuhi tempoh ikatan kontrak sebelum bersara.
5. Prestasi tahunan sekurang-kurangnya minima 85% bagi setiap tahun untuk tiga tahun terkini. Markah prestasi staf dari perkhidmatan di Agensi Kerajaan / Badan Berkanun yang lepas boleh diambil kira.
6. Bebas daripada tempoh tindakan tatatertib.
7. Telah lulus kursus BTN bagi melanjutkan pengajian ke luar negara tertakluk kepada polisi Kerajaan yang ditetapkan dari semasa ke semasa.
8. Tempoh maksimum cuti belajar adalah:
 - a. Sarjana / Sarjana Kepakaran: tidak melebihi 48 bulan (tanpa pelanjutan tempoh pengajian)
 - b. PhD: tidak melebihi 60 bulan (tanpa pelanjutan tempoh pengajian)
9. Bidang pengajian memenuhi keperluan Universiti dan mendapat kelulusan JKI-PKSM.
10. Tempat pengajian adalah di dalam atau luar negara dan hendaklah memenuhi syarat penaja.
11. Mendapat penajaan agensi luar yang tidak mempunyai ikatan perjanjian bagi melanjutkan pengajian. CBTG akan diberikan sekiranya ia merupakan syarat dari penaja.
12. Mengisi Borang Permohonan dan hendaklah disokong oleh Pengarah / Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ).
13. Memajukan satu salinan surat tawaran pengajian sepenuh masa.
14. Memajukan Research Proposal dan/atau Gantt Chart yang merangka perkara-perkara yang dilaksanakan dalam tempoh yang dipohon.
15. Mengemukakan laporan pengajian daripada Penyelia mengenai tahap pengajian terkini (jika sedang mengikuti pengajian).
16. Memajukan Borang Pengesahan Pembentangan Rancangan Penyelidikan (bagi pengajian peringkat PhD dan Sarjana secara penyelidikan).

17. Memajukan salinan sijil program PhD On Time (POT) yang dianjurkan oleh pihak ILD (jika ada):
 - a. PhD On Time: Pre-PhD Preparation
 - b. PhD On Time: PhD Preparation Research Methodology
18. Melengkapkan Borang Pelepasan Untuk Melanjutkan Pengajian.
19. Permohonan dimajukan sekurang-kurangnya enam bulan sebelum memulakan cuti belajar dan dihantar melalui Pusat Tanggungjawab (PTJ).
20. Melengkapkan Borang Perjanjian yang telah dimatikan setem dan Borang Penjamin.